

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 12 DISEMBER 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 27

---

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1133-L1668  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kos sebenar untuk menunaikan fardu Haji. Apakah dengan kenaikan harga minyak pihak Tabung Haji turut mengalami kerugian.
2. PN-1133-L1703  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan Malaysia selaku pengerusi OIC dalam memastikan Israel mematuhi Konvensyen Keempat Geneva (berhubung hak asasi manusia) di mana konvensyen tersebut telah dicabuli oleh Israel berkali-kali.
3. PN-1133-L1948  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan telah mengkaji dasar yang sedia ada agar Skim Kebajikan JHEV serta kemudahan perubatan secara menyeluruh diberi kepada semua tanggungan Veteran ATM yang layak, termasuk isteri yang dikahwini selepas bersara atau yang anak lahir selepas tamat perkhidmatan.
4. PN-1133-L1865  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawawi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
  - (a) apakah kelayakan minimum untuk mendapatkan pinjaman perumahan Kerajaan, berapakah jumlah pinjaman perumahan kepada kakitangan awam sehingga kini dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah jumlah pinjaman perumahan mengikut kos setempat sebagaimana COLA; dan
  - (b) adakah Kerajaan bercadang menghapuskan faedah 4% ke atas pinjaman kenderaan dan perumahan sebagaimana yang dinikmati oleh kakitangan Kerajaan negeri Kelantan.

5. PN-1133-L1773  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah rang undang-undang membolehkan kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ditukarkan ke PBT yang lain akan dibentangkan di Parlimen.
6. PN-1133-L1460  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pergolakan terkini di Palestin dan Lubnan akan menyebabkan penangguhan atau pemanggilan balik tentera Malaysia yang berkhidmat di bawah panji PBB di sana memandangkan rejim Israel langsung tidak gentar untuk mencabar kewibawaan PBB.
7. PN-1133-L1836  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa kenaikan harga bahan api telah mendorong Kerajaan memberi subsidi diesel kepada organisasi di Malaysia. Namun begitu, permohonan sesetengah organisasi tidak diluluskan sebaliknya sesetengah organisasi yang tidak memohon telah menerima surat tawaran dari Kementerian. Apakah kriteria untuk sesebuah organisasi memohon subsidi diesel tersebut.
8. PN-1133-L1433  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membentangkan kandungan buku garis panduan bagi integrasi kaum di Institusi Pengajian Tinggi dalam Kabinet dan Parlimen sebelum buku ini diterbitkan untuk mengelakkan kekeliruan.
9. PN-1133-L1524  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah persiapan/persediaan Malaysia untuk membuat biodiesel lebih-lebih lagi dari kelapa sawit satu kejayaan yang bakal menjadi tunggak ekonomi Malaysia dan apakah jangka masa yang dirancang untuk sasarnya.
10. PN-1133-L1595  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan para doktor dan jururawat yang didaftarkan di bawah Kementerian Kesihatan menjalankan tugas mereka dengan berhati-hati serta kualiti mereka terjamin. Setelah beberapa kes yang berlaku baru-baru ini mengakibatkan kecuaiannya para doktor telah mengubah persepsi rakyat terhadap profesionalisme seorang doktor. Apakah punca yang mengakibatkan kecuaiannya seperti ini berlaku.
11. PN-1133-L1633  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina sistem ERL dari KLIA ke LCCT. Jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan dan berapa anggaran kosnya.

12. PN-1133-L1805  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan usaha serta dasar Kerajaan mempromosikan industri batik negara serta sejauh manakah pencapaian dan kejayaan industri batik negara jika diukur dari sudut sumbangannya kepada usahawan batik dan pelancongan.
13. PN-1133-L1405  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah rancangan yang telah dilaksanakan untuk membantu ibu-ibu tunggal dan suri rumah India terutamanya di kawasan ladang-ladang bagi meningkatkan ekonomi mereka.
14. PN-1133-L1993  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan kakitangan perkhidmatan awam mengikut kategori skim perkhidmatan, gred tangga gaji dan pangkatnya. Nyatakan strategi dan sistem kenaikan pangkat untuk semua skim perkhidmatan tersebut agar sistem penyampaian lebih berkesan untuk dapat selari dengan matlamat RMK-9.
15. PN-1133-L1572  
**Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah akta belia memberikan penekanan supaya nisbah pemimpin wanita muda (berbanding dengan lelaki muda) dapat diseimbangkan atau ditingkatkan sekurang-kurangnya membentuk 30% (peratus) dalam barisan kepimpinan persatuan-persatuan belia.
16. PN-1133-L1723  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan tidakkah Kementerian merasa kaedah yang digunakan untuk membendung gejala Mat Rempit sekarang ini merupakan satu kegagalan. Bagaimanakah kaedah lebih efektif yang harus diperkenalkan.
17. PN-1133-L2009  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dibuat dalam melatih guru-guru (seperti pendidikan 'psychology') untuk mendidik murid-murid peringkat rendah dan menengah menjadi insan yang lengkap (minda, jasmani dan rohani) dan adakah pihak Kementerian ada menjalankan kaji-selidik yang berterusan bagi mendapatkan cara pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan terkini.
18. PN-1133-L1506  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan saluran-saluran yang digunakan untuk mempromosikan Kolej-kolej Komuniti dan berapakah perbelanjaan yang telah diperuntukkan selama ini.

19. PN-1133-L1596  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah dasar dan strategi Kementerian untuk mendukung cadangan PDRM untuk menempatkan anggotanya di kawasan perumahan, apakah Kementerian akan mencadangkan dasar supaya pemaju turut membina bit polis dan kediaman untuk kakitangan PDRM ini di setiap kawasan perumahan baru yang dibangunkan.
20. PN-1133-L1811  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status siasatan atas kewujudan Big Foot dan impaknya ke atas Malaysia.
21. PN-1133-L1445  
**Tuan Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu ibu-ibu tunggal terutamanya mangsa perceraian yang terkontang-konteng membesarkan anak-anak mereka tanpa bantuan sesiapa, memandangkan bilangan ibu tunggal semakin meningkat terutama dalam kalangan generasi baru yang masih muda tanpa mengira batasan etnik dan latar belakang.
22. PN-1133-L1976  
**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan jadual pelaksanaan hasrat Kerajaan untuk mengatasi masalah kehadiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negeri Sabah.
23. PN-1133-L1541  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan pengambilan pegawai-pegawai penerangan keturunan India di daerah-daerah yang mempunyai bilangan penduduk keturunan India lebih daripada sepuluh peratus. Ini adalah kerana ramai pegawai penerangan India yang bersara tidak lagi diisi di kebanyakan daerah terutamanya di daerah-daerah pantai barat.
24. PN-1133-L1809  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pemulihan MAS dan apakah unsur-unsur utama dalam tindakan pemulihan yang mendatangkan impak yang besar.
25. PN-1133-L1958  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sejauh manakah kajian yang telah dibuat oleh Kementerian terhadap keberkesanan Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS) dalam menangani kesesakan lalu lintas, pengesanan jenayah serta bencana alam seperti banjir kilat di ibu negara.

26. PN-1133-L1474  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah statistik penagih dadah yang menghadapi HIV mengikut pecahan bangsa, jantina, umur dan profesion.
27. PN-1133-L1414  
**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk campur tangan dalam isu 200 orang karyawan perfileman yang telah diberhentikan kerja secara beramai-ramai oleh MiTV dengan hanya memberi 1 bulan notis dan 1 bulan gaji pada 1 November 2006 yang lalu.
28. PN-1133-L1746  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pelaburan rakyat dalam ASB, ASW dan Amanah Saham Didik. Bagaimana pula sambutan mereka terhadap menambah saham terutama ASB dan ASW yang telah lama dilancarkan.
29. PN-1133-L1863  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Dasar Automotif Negara dan apakah kesan dasar tersebut terhadap industri automotif negara terutamanya Proton dan Perodua. Berapakah keuntungan Proton dan Perodua sejak tahun 2003.
30. PN-1133-L1354  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan untuk mengatasi masalah sprawled development dengan bertindak merangka dan mengadakan suatu Akta seperti The Community Protection Act [ Akta Pemeliharaan komuniti ] di mana suatu dana dapat di kumpul dan diuruskan oleh AJK sesebuah komuniti bersama Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Perbandaran/Bandaraya) bagi tujuan pemeliharaan komuniti, alam sekitar dan taraf hidup rakyat.
31. PN-1133-L1819  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bahawa Universiti Malaya dahulu merupakan sebuah pusat pengajian tinggi yang unggul. Kini ia jauh tertinggal penarafannya. Apakah punca kejatuhan ini, dan apakah langkah Kementerian dalam usaha mengembalikan zaman kegemilangan universiti berkenaan.
32. PN-1133-L1919  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan sudah bersedia untuk melaksanakan skim pencen bercarum terhadap kakitangan awam. Apakah tujuan skim ala KWSP ini mahu dilaksanakan dan apakah reaksi kesatuan sekerja dan orang ramai akan dipinta sebelum skim ini dilaksanakan sepenuhnya.

33. PN-1133-L1782  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk mencontohi projek pembangunan yang dilakukan di Bukit Lanjan, di mana satu program yang komprehensif telah berjaya dibangunkan bagi masyarakat orang asli di situ ke kawasan-kawasan lain.
34. PN-1133-L1593  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pihak Kementerian bagi memastikan program-program diploma mahupun ijazah yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi di Malaysia serta di luar negara diiktiraf oleh pihak Kerajaan. Perkara ini harus diambil kira oleh pihak Kementerian supaya tidak menyusahkan para graduan selepas tamat belajar nanti.
35. PN-1133-L1379  
**Tuan Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meminda Seksyen 94 (a) Akta Kerajaan Tempatan 1974 supaya memastikan Pihak Berkuasa Tempatan memperuntukkan kawasan-kawasan yang sesuai serta mencukupi bagi maksud-maksud tanah perkuburan dan pembakaran mayat (krematorium).
36. PN-1133-L1682  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi memantapkan lagi prestasi perkhidmatan awam pada keseluruhan bagi memperbaiki sistem penyampaian yang dikenal pasti sebagai salah satu sebab mengapa pelaksanaan sesuatu projek/perkhidmatan Kerajaan kurang berjaya dari masa ke semasa.
37. PN-1133-L1338  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa banyak yang telah dibelanjakan pada tahun 2005 bagi menggalakkan aktiviti-aktiviti industri halal negeri Sarawak dan apakah perancangan jangka masa panjang yang telah disediakan untuk industri halal negeri Sarawak.
38. PN-1133-L1534  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimanakah tahap pencapaian Kerajaan mengenai pembikinan highway yang bertaraf antarabangsa dari Kuching ke Kota Kinabalu ataupun Pan-Borneo Highway yang pernah diperkatakan dahulu.
39. PN-1133-L1758  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana proses siasatan ke atas kes-kes rasuah yang berprofil tinggi yang dikendalikan oleh Biro Pencegah Rasuah (BPR) dan sehingga kini berapa banyak kes seumpama itu telah diselesaikan.

40. PN-1133-L1880  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kejayaan kempen kitar semula, berapakah nilai industri barangan kitar semula dan berapakah bilangan kilang kitar semula di dalam negara.
41. PN-1133-L1987  
**Datuk Chew Yun Ming** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan Kerajaan kita menggalakkan pelancongan dalam negeri namun demikian tambang penerbangan dalam negeri semakin hari semakin meningkat tinggi. Ini sedikit sebanyak telah menghalang orang ramai terutama dari Sabah dan Sarawak untuk melancong ke Semenanjung Malaysia. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani perkara ini.
42. PN-1133-L1547  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah penjimatan kos subsidi yang akan dinikmati Kerajaan berikutan penurunan harga minyak dunia kebelakangan ini, dan sama ada Kerajaan ada perancangan untuk menurunkan harga petrol dan diesel runcit tempatan untuk membantu mengurangkan kos perniagaan yang semakin meningkat.
43. PN-1133-L1675  
**Tuan Hii Tiong Kuoh** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dirancang oleh Kementerian bagi meningkatkan pembangunan industri hiliran getah di Sarawak.
44. PN-1133-L1423  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-  
(a) statistik ibu tunggal mengikut kaum dan negeri; dan  
(b) adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan unit khas untuk mendapatkan statistik bagi ibu tunggal dari kaum bukan bumiputera.
45. PN-1133-L1632  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada sistem meritokrasi akan diteruskan dalam pengambilan pelajar ke IPTA. Bagaimana Kementerian dapat memastikan prinsip meritokrasi dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa sebarang penyelewengan dan unsur kuota.
46. PN-1133-L1496  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengeksploitasi pengkomersialan herba yang boleh dijadikan kosmetik, makanan dan ubat-ubatan halal dan sekali gus menjadi salah satu sektor yang mendukung halal hab negara.

47. PN-1133-L1899  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada kedaulatan Malaysia terjejas apabila kawalan trafik udara bahagian selatan Semenanjung Malaysia dikawal oleh Singapura. Adakah Kerajaan bercadang mengambil alih kawalan tersebut termasuk juga kawalan rumah api yang terletak di dalam perairan Malaysia.
48. PN-1133-L1968  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan tindakan pihak Kementerian dalam membanteras kegiatan sindiket pengedaran dadah di negara kita memandangkan masalah penyalahgunaan dadah ini adalah kritikal di masa ini.
49. PN-1133-L1844  
**Puan Mumtaz binti Md. Naw** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tangga gaji dan bidang tugas mufti dan imam di Wilayah Persekutuan. Adakah tangga gaji dan bidang tugas ini diselaraskan di seluruh negara.
50. PN-1133-L1473  
**Che Puan Sri Kelana D'raja(Dr) Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana tahap keselamatan kereta rel ringan (LRT) yang beroperasi di Lembah Kelang.
51. PN-1133-L1448  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada kerajaan telah pun membuat keputusan terhadap nama yang dapat diberikan kepada dua kapal selam jenis Scorepene yang telah dibeli dan bilakah ianya dijangka mula beroperasi.
52. PN-1133-L1932  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang digunakan supaya Kerajaan kurang berhutang. Apakah langkah itu akan menyebabkan ekonomi negara tidak berkembang kerana Kerajaan akan kekurangan wang untuk berbelanja.
53. PN-1133-L1912  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kerajaan telah menubuhkan banyak tabung kewangan bagi kemudahan bantuan kewangan kepada bumiputera sebagai modal atau untuk faedah-faedah lain. Apakah semua tabung ini ditempatkan di bawah bank-bank komersil dan berapakah jumlah peminjam yang memohon dan berapa banyakkah permohonan pinjaman yang telah diluluskan dan berapakah yang ditolak. Apakah kriteria utama penyebab permohonan ditolak, adakah Kerajaan telah membuat kajian kenapa peminjam bumiputera gagal mendapat pinjaman.

54. PN-1133-L1389  
**Tuan Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan prestasi Kadar Perolehan Minyak (KPM) / 'Oil Extraction Rate'.
55. PN-1133-L1573  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapa Bahagian Kawalan Racun Perosak menarik balik pengharaman racun paraquat walaupun negara kita telah menandatangani Deklarasi Stockholm mengenai racun kimia dan telah komited untuk mengujudkan undang-undang yang dapat mengawal serta melaksanakan pengharaman penggunaan racun kimia yang didapati berbahaya kepada kesihatan masyarakat awam.
56. PN-1133-L1796  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah implikasi yang dihadapi oleh Kerajaan terhadap isu rasuah yang berleluasa di kalangan pegawai serta kakitangan PBT dan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyelaraskan semula sistem pelantikan Ahli Majlis di setiap PBT yang mana ianya berbeza di setiap negeri.
57. PN-1133-L1691  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) setakat ini, berapakah jumlah pelatih-pelatih PLKN yang telah tamat latihan mereka dengan pecahan mengikut jantina; dan
  - (b) apakah masalah-masalah yang timbul dalam sistem latihan ini setakat ini dan langkah-langkah yang diambil bagi menanganinya.
58. PN-1133-L1370  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah program pelaksanaan untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan melibatkan pertukaran pegawai dan kakitangan di antara Majlis-majlis Kerajaan Tempatan dalam usaha meningkatkan tahap profesionalisme mereka.
59. PN-1133-L1650  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menanam sikap ingin tahu dan keinginan meneroka terutamanya di kalangan murid-murid sekolah rendah dalam usaha Kerajaan untuk memupuk minat sains di kalangan pelajar yang akan menjadi modal insan yang penting dalam usaha kita untuk mencapai Wawasan 2020.

60. PN-1133-L1352  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional yang digunakan di dalam pembangunan gerbang selatan Johor dan bagaimana ianya dapat memberi manfaat kepada pembangunan seluruh negara, terutamanya di dalam cakupan pembangunan di Pantai Timur Semenanjung.
61. PN-1133-L1736  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bagaimanakah 'Building Intergrated Photovoltaic' (BIPV) di bawah 'National Suria 100 Programme' akan menjadi strategi penggunaan tenaga baru (renewable energy) jangka masa panjang negara. Selain daripada biogas dan biomas, apakah bentuk-bentuk program yang diatur bagi menambah serta menggalakkan penggunaan BIPV di masa depan.
62. PN-1133-L1561  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang cadangan pengembalian peranan sektor 'Rukun Tetangga' di setiap kawasan perumahan. Cadangan pengembalian ini akan membantu untuk mengurangkan kes-kes pencurian dan pecah rumah.
63. PN-1133-L1692  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan dan strategi yang diatur bagi memastikan RMK-9 akan mencapai matlamat terutama impak kepada golongan berpendapatan rendah yang berada di luar bandar.
64. PN-1133-L2010  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan setakat manakah kempen kawalan harga oleh Kementerian berjaya dalam mengawal harga dengan keadaan kenaikan harga minyak, gas dan barang-barang runcit yang tinggi sekarang.
65. PN-1133-L1713  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan kreatif Kementerian untuk menjayakan MAYANG seperti yang disebut oleh YAB. Perdana Menteri dalam bajet 2007.

### **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 32/2006) Rang Undang-undang Perbekalan 2007 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang ”. (11 Disember 2006)**
  
2. (D.R. 24/2006) Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2006 **Bacaan Kali Yang Kedua**
  
3. PN-1133-U1419  
**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** akan mencadangkan:-  
  
"Berdasarkan kepada prinsip rukun negara, maka saya dengan ini ingin mengusulkan supaya setiap kali dewan bersidang sebaik sahaja selesai doa dibacakan, lagu Negaraku dimainkan dan dinyanyikan bersama-sama kerana ianya sesuai dengan slogan kepimpinan melalui teladan. Usul ini juga (dengan izin) Yang Dipertua Dewan Negara dapat dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."
  
4. PN-1133-U1942  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-  
  
"Bahawa Dewan ini menyedari masalah kenaikan harga barang seperti minyak, gula, ayam, telur dan lain-lain telah menjadi isu yang menimbulkan keresahan di kalangan pengguna khususnya rakyat berpendapatan rendah. Masalah terus berlaku khususnya di musim-musim perayaan, ditambah dengan sikap para peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mengambil kesempatan terhadap kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Maka dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya diwujudkan segera 'Tribunal Harga' yang berfungsi untuk mengawal, menyelia dan memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan harga barangan. Ini bertujuan kepentingan pengguna terpelihara dan gejala ini tidak berulang saban tahun."

5. PN-1133-U1943

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari wujud persepsi negatif terhadap imej polis yang dikaitkan dengan beberapa insiden seperti salah guna kuasa dan penglibatan segelintir anggotanya dalam beberapa kes jenayah. Walau bagaimanapun tidak ada pihak yang boleh menafikan kejayaan dan kecekapan PDRM dalam membanteras jenayah apatah lagi mengawal keselamatan negara, seperti menghapuskan ancaman PKM dan kumpulan ajaran sesat. Maka Dewan ini menyokong pendirian PDRM yang menolak penubuhan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). Ini kerana akta-akta yang sedia ada seperti akta polis dan sebagainya sudah memadai digunakan untuk meningkatkan disiplin dan imej polis."

6. PN-1133-U1944

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mewujudkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji keberkesanan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Kajian Suruhanjaya Khas ini hendaklah tertumpu kepada aspek apakah penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar meningkat dengan sistem tersebut. Dan apakah kesannya pula kepada prestasi para pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Dengan adanya Suruhanjaya ini, maka kita tidak perlu menunggu tahun 2008 untuk melihat keberkesanannya. Kerana dikhuatiri jika terlalu lambat mengambil tindakan, maka kesannya adalah lebih parah lagi."

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2006</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.195	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	12 Disember 2006
ST.242	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak (YTR) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	12 Disember 2006
ST.234	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	12 Disember 2006